

PENARAFAN BINTANG SEKTOR AWAM

Tujuan

Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR) merupakan salah satu mekanisme untuk menilai dan mengukur prestasi agensi Sektor Awam berdasarkan keputusan yang diperoleh dalam Mesyuarat Panel Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 10 Julai 2015. .

Latar Belakang

1. Disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 2 Februari 2005 di Mesyuarat Jemaah Menteri dan pada 1 Disember 2006 di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) supaya Star Rating dilaksanakan.
2. Pada 8 Februari 2007, Mesyuarat Panel Memajukan Pentadbiran Awam (PANEL) memutuskan supaya Star Rating dilaksanakan bagi menggredkan tahap prestasi kecemerlangan agensi-agensi Kerajaan ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.
3. Berdasarkan input-input Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan pada 22 Januari 2008 serta pemerhatian Pasukan Inspektorat Star Rating MAMPU semasa melaksanakan penilaian Star Rating, MAMPU telah mengambil langkah untuk memantapkan kriteria penilaian Star Rating kementerian untuk tahun 2008.

Objektif

1. Menilai dan mengukur prestasi agensi Sektor Awam berfokuskan keberhasilan, berorientasikan pelanggan dan berlandaskan aspirasi stakeholders;;
2. Memperkasakan elemen Transformasi dan Inovasi sebagai budaya kecemerlangan agensi; dan;
3. Memberi pengiktirafan secara formal kepada agensi-agensi cemerlang.



Model Indeks SSR merangkumi aspek-aspek penilaian yang dibahagi kepada dua (2) komponen iaitu:

- i. Perkhidmatan Sokongan; dan
- ii. Perkhidmatan Teras.

Setiap komponen memberi penekanan kepada empat (4) bidang fokus iaitu Transformasi, Inovasi, Kualiti dan Pematuhan. Setiap bidang fokus pula memberi tumpuan kepada aspek *Outcome-Based*, *Customer-Centric*, dan *Stakeholder's Aspiration*.

Agensi yang terlibat

Penilaian Indeks SSR akan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kategori agensi seperti yang berikut:

- i. Kementerian;
- ii. Agensi Pusat dan Jabatan Utama (APJU);
- iii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri/Pejabat Setiausaha Kerajaan Persekutuan (PSUK/PSUP);
- iv. Agensi Barisan Hadapan (ABH); dan
- v. Agensi KPI Strategik (AKS).